

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

11. Program Mammogram anjuran Kerajaan Negeri menerima sambutan baik daripada kalangan wanita.
- (a) Berapakah bilangan wanita (mengikut umur dan kaum) yang telah mengambil bahagian dalam program ini?
 - (b) Berapakah bilangan kes penyakit kanser payudara mengikut umur, kaum dan tahap peringkat penyakit yang telah dikesan?
 - (c) Apakah bantuan susulan yang disalurkan kepada pesakit ini? Huraikan.

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. (a) Bilangan wanita yang telah menjalani pemeriksaan mammogram sehingga kini melalui program anjuran Kerajaan Negeri adalah seramai 11,834 orang. Perincian mengikut umur dan kaum adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Bilangan kes penyakit kanser payudara mengikut umur, kaum dan tahap peringkat penyakit yang telah dikesan adalah seperti di **Lampiran B**.
- (c) Bantuan susulan yang disalurkan kepada pesakit adalah seperti berikut:
- (i) Bagi peserta yang menunjukkan keputusan positif, mereka

akan diberi surat rujukan ke hospital untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut; dan

- (ii) Bagi pesakit yang memerlukan bantuan kewangan dan sokongan, terdapat agensi kerajaan dan swasta yang menawarkan bantuan seperti Zakat Pulau Pinang, Persatuan Kanser Kebangsaan cawangan Pulau Pinang (NCSM), Pink Penang dan sebagainya. Maklumat ini akan disampaikan kepada pesakit yang terlibat.